



14 Julai 2017
14 July 2017
P.U. (A) 197

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG
(PROSIDING TATATERTIB) 2017

*LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY PROCEEDINGS)
RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PROSIDING TATATERTIB) 2017

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
ADUAN

3. Pengemukakan aduan
4. Kandungan aduan
5. Fi pemprosesan
6. Had masa
7. Kewajipan Pengarah apabila menerima aduan
8. Penarikan balik aduan
9. Pencelahan oleh Majlis Peguam
10. Daftar Aduan
11. Daftar Aduan Ditolak

BAHAGIAN III
PENJALANAN PROSIDING

12. Rekod aduan
13. Masa dan tempat pendengaran Jawatankuasa Tatatertib
14. Notis pendengaran di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

Kaedah

15. Tempoh masa pendengaran dan penangguhan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib
16. Ketidakhadiran pihak di hadapan Jawatankuasa Tatatertib
17. Hak kepada perwakilan di sisi undang-undang
18. Prosiding Jawatankuasa Tatatertib
19. Rekod prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib
20. Keputusan majoriti hendaklah disifatkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib
21. Laporan Jawatankuasa Tatatertib

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

22. Ketidakupayaan, pembatalan dan pelantikan semula ahli Jawatankuasa Tatatertib
23. Kelewatan
24. Kesan ketidakpatuhan dan salah aturan tidak membatalkan prosiding
25. Penandatanganan notis pendengaran dan persuratan lain
26. Penyampaian dokumen
27. Kematian
28. Kuasa memberi arahan
29. Kecualian dan peralihan
30. Pembatalan

JADUAL

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PROSIDING TATATERTIB) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 103F Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Lembaga Tatatertib membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama

1. Kedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) 2017**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“aduan” ertinya suatu aduan bertulis yang dibuat di bawah kaedah 4 berhubung dengan salah laku peguam bela dan peguam cara yang berkenaan;

“akuan berkanun” ertinya suatu akuan yang dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*];

“Daftar Aduan” ertinya daftar yang disenggara dan disimpan oleh Pengarah di bawah kaedah 10;

“Daftar Aduan Ditolak” ertinya daftar yang disenggara dan disimpan oleh Pengarah di bawah kaedah 11;

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Tatatertib di bawah seksyen 103A Akta;

“peguam bela dan peguam cara yang berkenaan” ertinya peguam bela dan peguam cara termasuk pelatih yang terhadapnya suatu aduan telah dibuat di bawah Akta;

“pengadu” ertinya mana-mana orang, sama ada sebenar atau di sisi undang-undang, yang telah membuat suatu aduan, sama ada secara sendiri atau melalui pegawainya atau seorang peguam cara, dan termasuklah Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri dan orang atau badan yang dinyatakan dalam subseksyen 99(2) Akta;

“Pengarah” ertinya Pengarah Urus Setia Aduan yang dilantik di bawah seksyen 98 Akta;

“salah laku” mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah subseksyen 94(3) Akta.

BAHAGIAN II

ADUAN

Pengemukakan aduan

3. Semua aduan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah berserta dengan fi pemprosesan yang ditetapkan di bawah subkaedah 5(1).

Kandungan aduan

4. (1) Suatu aduan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual kecuali jika aduan itu dibuat oleh Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri atau mana-mana orang atau badan yang disebut dalam subseksyen 99(2) Akta.

(2) Jika Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri adalah pengadu, aduan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Majlis Peguam atau Pengerusi Jawatankuasa *Bar* Negeri yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), aduan yang dibuat oleh Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri atau mana-mana orang atau badan yang disebut dalam subseksyen 99(2) Akta hendaklah mengandungi butir-butir peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dan fakta aduan yang mencukupi.

Fi pemprosesan

5. (1) Pengadu hendaklah membayar kepada Pengarah suatu jumlah sebanyak dua ratus ringgit atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh Lembaga Tatatertib sebagai fi pemprosesan.

(2) Subkaedah (1) tidak terpakai jika pengadu ialah Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri atau mana-mana orang atau badan yang disebut dalam subseksyen 99(2) Akta.

(3) Semua jumlah yang dibayar di bawah kaedah ini hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib dan tidak boleh dikembalikan.

(4) Walau apa pun subkaedah (1), Pengerusi Lembaga Tatatertib boleh mengetepikan semua atau sebahagian daripada pembayaran fi pemprosesan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Had masa

6. Tiada aduan berhubung dengan kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara yang berkenaan atau firma guaman boleh dikemukakan oleh pengadu selepas tamat tempoh enam tahun dari masa hak untuk membawa aduan terakru atau apabila pengadu mula mendapat tahu berkenaan dengan salah laku tersebut atau berlakunya salah laku yang terakhir yang memberi hak kepadanya untuk membuat aduan.

Kewajipan Pengarah apabila menerima aduan

7. (1) Apabila aduan diterima, Pengarah hendaklah—

(a) mengecap tarikh penerimaan aduan;

(b) memeriksa aduan untuk memuaskan hatinya bahawa kehendak kaedah 3 dan 4 telah dipatuhi; dan

(c) mendaftarkan aduan dalam Daftar Aduan.

(2) Jika pengadu tidak mematuhi kehendak kaedah 3 atau 4 atau kedua-duanya, Pengarah hendaklah dengan serta-merta menghantar suatu permintaan bertulis kepada pengadu untuk mengemukakan butir-butir yang dikehendaki.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), jika ketidakpatuhan itu berhubung dengan ketiadaan nama atau alamat pengadu atau kedua-duanya, Pengarah hendaklah menolak aduan itu dan mencatatkan fakta itu dalam Daftar Aduan Ditolak.

(4) Pengadu hendaklah mengemukakan butir-butir yang dikehendaki itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan bertulis di bawah subkaedah (2).

(5) Jika pengadu tidak mematuhi kehendak subkaedah (4), Pengarah hendaklah menolak aduan itu dan merekodkan fakta itu dalam Daftar Aduan Ditolak.

(6) Pengarah hendaklah mengemukakan aduan yang didaftarkan dalam Daftar Aduan kepada Lembaga Tatatertib.

Penarikan balik aduan

8. (1) (a) Pengadu boleh, pada bila-bila masa sebelum keputusan muktamad di buat oleh Lembaga Tatatertib, memohon untuk menarik balik aduan secara bertulis kepada Pengarah.

(b) Jika aduan ditarik balik semasa perjalanan suatu pendengaran di hadapan Lembaga Tatatertib, permohonan penarikan hendaklah direkodkan oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib.

(2) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah memaklumkan kepada Pengarah mengenai penarikan itu.

(3) Apabila menerima permohonan menarik balik secara bertulis atau pemberitahuan menarik balik daripada Pengerusi Lembaga Tatatertib di bawah subkaedah (2), Pengarah hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib dan Pengerusi Majlis Peguam mengenai penarikan balik aduan itu dan mengemukakan sesalinan permohonan tersebut.

(4) Tertakluk kepada kaedah (9), Pengarah hendaklah merekodkan aduan itu dalam Daftar Aduan yang menyatakan aduan itu telah ditarik balik.

Pencelahan oleh Majlis Peguam

9. (1) Walau apa pun kaedah 8 dan tanpa menjejaskan haknya untuk membuat aduan atas usulnya sendiri, Majlis Peguam boleh, jika difikirkannya terdapat merit dalam aduan itu, mencelah pada bila-bila masa sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Lembaga Tatatertib dan meneruskan aduan itu seolah-olah aduan itu telah dibuat atas usulnya sendiri.

(2) Jika Majlis Peguam memutuskan untuk mencelah dan meneruskan aduan di bawah subkaedah (1) —

(a) Pengarah hendaklah merekodkannya dalam Daftar Aduan; dan

(b) kehendak kaedah 4 hendaklah disifatkan telah dipatuhi.

(3) Jika pengadu telah menarik balik aduannya di bawah subkaedah 8(1) dan Majlis Peguam telah memutuskan untuk tidak mencelah, penarikan balik itu hendaklah menjadi suatu halangan kepada apa-apa aduan lanjut oleh pengadu yang sama atas fakta yang sama.

Daftar Aduan

10. Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Aduan yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh penerimaan aduan;
- (b) nama penuh dan nombor kad pengenalan atau passport;
- (c) alamat pengadu;
- (d) nama dan alamat peguam cara pengadu, jika ada;
- (e) nama peguam bela dan peguam cara yang berkenaan;
- (f) tarikh pelantikan Jawatankuasa Tatatertib;
- (g) tarikh penerimaan laporan dan syor Jawatankuasa Tatatertib;
- (h) tarikh dan keputusan Lembaga Tatatertib;
- (i) tarikh keputusan Lembaga Tatatertib diposkan kepada pengadu atau peguam caranya;
- (j) jika Majlis Peguam mencelah dan meneruskan aduan di bawah kaedah 9, fakta dan tarikh mengenainya; dan
- (k) tarikh keputusan Lembaga Tatatertib diposkan kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan.

Daftar Aduan Ditolak

11. Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Aduan Ditolak yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh penerimaan aduan;

- (b) tarikh permintaan bertulis di bawah subkaedah 7(2), jika ada; dan
- (c) sebab bagi penolakan aduan.

BAHAGIAN III PENJALANAN PROSIDING

Rekod aduan

12. (1) Pengarah hendaklah mengumpul dokumen yang berikut yang membentuk rekod aduan:

- (a) suatu salinan aduan atau apa-apa permohonan oleh Majlis Peguam di bawah subseksyen 94(4) Akta, jika ada, berserta apa-apa dokumen sokongan dan akuan berkanun;
- (b) suatu salinan penjelasan bertulis dan dokumen sokongan, jika ada, daripada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan;
- (c) suatu salinan surat penarikan balik atau surat pencelahan, jika ada, dan
- (d) suatu salinan penjelasan lanjut dan dokumen sokongan, jika ada.

(2) Suatu salinan rekod aduan hendaklah diserahkan kepada pengadu dan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan sebelum Jawatankuasa Tatatertib memulakan pendengarannya.

Masa dan tempat pendengaran Jawatankuasa Tatatertib

13. Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menjalankan prosidingnya di premis Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa *Bar* Negeri atau mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Lembaga Tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

Notis pendengaran di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

14. (1) Jika pendengaran berkenaan dengan apa-apa perkara akan diadakan oleh Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menghantar notis pendengaran kepada pengadu dan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan atau wakilnya di sisi undang-undang, melalui pos berdaftar Akuan Terima atau penyampaian ke diri di alamat pengadu dan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan atau wakilnya di sisi undang-undang yang terakhir diketahui.

(2) Notis di bawah subkaedah (1) hendaklah menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran dan hendaklah mengikut format yang diberikan oleh Lembaga Tatatertib.

(3) Jika kad berdaftar Akuan Terima dibayar dahulu dikembalikan dan ditandakan “tidak dituntut” atau “berpindah”, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mendapatkan alamat semasa peguam bela dan peguam cara yang berkenaan daripada Majlis Peguam dan menghantar notis tersebut ke alamat itu.

(4) Penyerahan yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah disifatkan sebagai penyerahan yang mencukupi.

Tempoh masa pendengaran dan penangguhan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

15. (1) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menyempurnakan pendengaran dan menghantar laporannya dalam tempoh empat bulan dari tarikh pelantikannya.

(2) Jawatankuasa Tatatertib boleh menangguhkan pendengaran dari semasa ke semasa tanpa memberikan notis bertulis jika penangguhan diberikan dalam kehadiran pihak-pihak.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib boleh, apabila terdapat suatu permohonan secara bertulis dibuat kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib, memberikan tempoh pelanjutan tidak melebihi dua bulan dengan syarat terdapat alasan yang munasabah untuk berbuat demikian.

(4) Jika pendengaran tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang dirujuk dalam subkaedah (3), Pengerusi Lembaga Tatatertib boleh memberi pelanjutan masa tambahan sehingga Jawatankuasa Tatatertib selesai menjalankan pendengarannya.

(5) Masa yang diberikan kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk menjalankan penyiasatan dan mengemukakan laporannya hendaklah disifatkan dilanjutkan dalam hal jika Majlis Peguam mencelah di bawah kaedah 9.

(6) Jika Pengerusi Lembaga Tatatertib memutuskan untuk tidak melanjutkan masa yang dinyatakan dalam subkaedah (3), beliau hendaklah melaporkan keputusannya itu kepada Lembaga Tatatertib dan Lembaga Tatatertib boleh membubarkan Jawatankuasa Tatatertib itu dan melantik Jawatankuasa Tatatertib yang baru untuk mendengar dan memutuskan aduan itu.

Ketidakhadiran pihak di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

16. Jika pengadu atau peguam bela dan peguam cara yang berkenaan atau kedua-duanya gagal hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib pada tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran dan penyiasatan aduan, Jawatankuasa Tatatertib boleh, apabila berpuas hati bahawa kaedah 14 telah dipatuhi, meneruskan pendengaran terhadap aduan itu tanpa kehadiran orang yang berkenaan, tanpa memberi notis lanjut kepada orang itu dan membuat keputusan dan syornya kepada Lembaga Tatatertib.

Hak kepada perwakilan di sisi undang-undang

17. Dalam mana-mana pendengaran di bawah Kaedah-Kaedah ini, pengadu dan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan berhak untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara pilihannya.

Prosiding Jawatankuasa Tatatertib

18. (1) Pada permulaan pendengaran, Pengerusi hendaklah memperkenalkan ahli-ahli panel dan merekodkan nama-nama pihak yang hadir.

(2) Melainkan jika dibenarkan oleh Pengerusi, hanya pengadu, peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dan wakil mereka di sisi undang-undang, jika ada, dibenarkan hadir sebelum keterangan diambil.

(3) Jika pengadu ialah pertubuhan perbadanan atau suatu organisasi, pengadu boleh hadir melalui wakil yang diberi kuasa.

(4) Semua keterangan hendaklah diberikan secara berasingan di bawah akuan bersumpah dan direkodkan oleh pengerusi.

(5) Pengerusi hendaklah—

(a) mengarahkan pengadu untuk mengemukakan kes dan keterangan substantif yang diberikan hendaklah direkodkan dan dokumen yang dikemukakan hendaklah ditandakan; dan

(b) Jika pengadu atau wakil tidak hadir, meneruskan dengan pendengaran kes di bawah kaedah 16 atas rekod aduan dan hendaklah memanggil peguam bela dan peguam cara berkenaan untuk menjawab aduan itu.

(6) Pada mana-mana pendengaran kes di hadapan Lembaga Tatatertib—

(a) peguam bela dan peguam cara yang berkenaan boleh memeriksa balas pengadu dan saksi-saksinya, jika ada, jika mereka telah memberikan keterangan berhubung dengan aduan itu; dan

(b) pengadu boleh memeriksa balas peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dan saksi-saksinya, jika ada, jika mereka telah memberi keterangan berhubung dengan aduan itu.

(7) Pengerusi atau ahli Jawatankuasa boleh bertanyakan apa-apa soalan, atau meminta kehadiran mana-mana orang sebagai saksi, atau untuk mengemukakan sesuatu atau dokumen sebagaimana yang Jawatankuasa fikirkan patut dan berkaitan kepada pendengaran untuk menjelaskan apa-apa perkara yang berbangkit daripada keterangan.

(8) Setelah pengadu selesai membentangkan kesnya, Pengerusi hendaklah memanggil peguam bela dan peguam cara yang berkenaan untuk memberi maklum balas kepada aduan itu.

(9) Setelah prosiding selesai, Pengerusi boleh memanggil kedua-dua pihak untuk membuat hujahan terakhir dengan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan membuat penghujahan yang pertama.

(10) Jika Jawatankuasa Tatatertib berniat untuk menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 103C(2) Akta, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah memberikan peluang lanjut kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan untuk didengar mengenai perintah yang dicadangkan itu.

(11) Jika aduan itu berdasarkan tindakan berhubungan dengan wang dalam simpanan atau kawalan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan, beban adalah terletak di atas peguam bela dan peguam cara yang berkenaan untuk memberi penjelasan yang memuaskan berhubung dengan aduan itu.

(12) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat suatu rekod berkenaan keterangan yang diberikan.

(13) Bagi maksud mengelakkan keraguan, proses prosiding tatatertib di bawah Akta disifatkan sebagai penyiasatan dalam terma seksyen 103B.

Rekod prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

19. Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mengumpul rekod prosiding yang mengandungi semua keterangan termasuk keterangan dokumentar yang dikemukakan dan hendaklah mengemukakan rekod prosiding berserta laporannya di bawah kaedah 21 kepada Lembaga Tatatertib.

Keputusan majoriti hendaklah disifatkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib

20. Jika Jawatankuasa Tatatertib tidak sebulat suara atas apa-apa persoalan atau perkara untuk diputuskan, keputusan majoriti hendaklah disifatkan sebagai keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Laporan Jawatankuasa Tatatertib

21. (1) Laporan Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menyatakan dapatan fakta, syor dan alasan bagi dapatan fakta dan syor tersebut.

(2) Jika—

(a) Jawatankuasa Tatatertib sebulat suara dalam dapatan faktanya atau syornya, laporan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib; atau

(b) Jawatankuasa Tatatertib tidak sebulat suara dalam dapatan fakta atau syornya, dapatan fakta atau syor majoriti hendaklah disifatkan sebagai dapatan fakta atau syor Jawatankuasa Tatatertib, dan alasan bagi dapatan fakta atau syor bagi ahli majoriti dan minoriti hendaklah direkodkan dan laporan itu hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Laporan Jawatankuasa Tatatertib berserta dengan rekod prosiding hendaklah dihantar kepada Pengarah dalam tempoh yang ditetapkan dalam kaedah 15.

(4) Laporan Jawatankuasa Tatatertib di bawah kaedah ini hendaklah muktamad bagi prosiding Jawatankuasa Tatatertib.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Ketidakupayaan, pembatalan dan pelantikan semula ahli Jawatankuasa Tatatertib

22. (1) Selepas pelantikan ke Jawatankuasa Tatatertib, jika ahli tidak dapat menjalankan fungsi sebagai Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib disebabkan sakit atau apa-apa sebab lain, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah melaporkan perkara itu kepada Lembaga Tatatertib.

(2) Apabila menerima laporan di bawah subkaedah (1), Lembaga Tatatertib boleh membatalkan pelantikan ahli yang berkenaan.

(3) Jika mana-mana orang berhenti menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib oleh sebab di bawah subkaedah (1), ahli yang lain hendaklah dilantik menggantikannya dan prosiding hendaklah disambung tanpa pemberhentian melainkan Jawatankuasa Tatatertib berpandangan yang prosiding sepatutnya dimulakan secara *de novo*.

Kelewatan

23. Apa-apa kelewatan dalam pemulaan atau penyelesaian suatu pendengaran dan siasatan sama ada disebabkan oleh ketidakupayaan ahli, pelantikan ahli baru atau apa-apa sebab lain hendaklah tidak membatalkan mana-mana pendengaran yang diadakan atau apa-apa siasatan, laporan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib, mana-mana yang berkenaan.

Kesan ketidakpatuhan dan salah aturan tidak membatalkan prosiding

24. Jika pada mana-mana peringkat, dalam perjalanan suatu prosiding atau yang berkaitan dengan mana-mana prosiding, akibat daripada sesuatu yang dilakukan atau gagal dilakukan, berlakunya kegagalan mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah ini, kegagalan itu hendaklah dianggap sebagai suatu salah aturan dan tidak boleh membatalkan prosiding itu, apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu atau apa-apa dapatan, arahan atau keputusan yang telah dibuat melainkan jika ketidakpatuhan itu telah menyebabkan ketidakadilan.

Penandatanganan notis pendengaran dan persuratan lain

25. Notis pendengaran di hadapan Jawatankuasa Tatatertib dan persuratan lain yang berkaitan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana ahli Jawatankuasa Tatatertib yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

Penyampaian dokumen

26. Tertakluk kepada kaedah 14, jika apa-apa dokumen dikehendaki disampaikan kepada pengadu atau peguam bela dan peguam cara yang berkenaan, firma guaman atau wakil mereka di sisi undang-undang di bawah Kaedah-Kaedah ini, ia hendaklah disampaikan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar Akuan Terima dibayar dahulu atau perakuan pengeposan kepada pengadu atau peguam bela dan peguam cara yang berkenaan, atau wakil mereka di sisi undang-undang di alamat yang terakhir diketahui, mengikut mana yang berkenaan.

Kematian

27. (1) Jika peguam bela dan peguam cara yang berkenaan meninggal dunia sebelum prosiding terhadapnya tamat, aduan tersebut hendaklah tergugur tanpa menjejaskan apa-apa remedi sivil yang boleh dibawa oleh pengadu terhadap harta pusaka peguam bela dan peguam cara yang meninggal dunia itu.

(2) Jika pengadu meninggal dunia sebelum prosiding itu tamat, aduan itu tidak akan tergugur tetapi ia boleh diteruskan oleh waris *kadim* atau wakil di sisi undang-undang pengadu.

(3) Sekiranya waris *kadim* atau wakil persendirian di sisi undang-undang tidak memberi maklum balas dalam tempoh tiga bulan selepas diberitahu oleh Pengarah akan hak mereka untuk meneruskan prosiding, Pengarah hendaklah merujuk aduan itu kepada Majlis Peguam dan Majlis Peguam boleh mencelah dan meneruskan aduan itu.

Kuasa memberi arahan

28. Lembaga Tatatertib boleh memberikan arahan kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi perkara yang berkaitan dengan prosedur sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Kecualian dan peralihan

29. (1) Semua prosiding yang masih belum selesai di hadapan Jawatankuasa Tatatertib sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah dikendalikan dan dilupuskan menurut Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994 [*P.U. (A) 189/1994*].

(2) Semua aduan yang masih belum selesai di hadapan Lembaga Tatatertib dan aduan-aduan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dengannya prosiding belum dimulakan pada tarikh mula berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini, hendaklah dikendalikan dan dilupuskan menurut Kaedah-Kaedah ini.

Pembatalan

30. Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994 [*P.U. (A) 189/1994*] dibatalkan.

JADUAL
[Subkaedah 4(1)]

ADUAN

Kepada:

Pengarah Urus Setia Aduan
Lembaga Tatatertib Peguam Bela dan Peguam Cara
Tingkat 8 dan 9, Wisma Maran
28, Medan Pasar
50050 Kuala Lumpur

1. Butir-butir pengadu

1.1. Nama penuh (seperti yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan/Pasport):

1.2. Alamat rumah:

Alamat e-mel: _____

No. Telefon: _____ No. Telefon Bimbit: _____

Majikan: _____

1.3. Alamat pejabat:

No. Telefon: _____

1.4 Alamat surat menyurat semasa:

1.5 Nama orang yang boleh dihubungi:

Alamat:

No. Telefon: _____

1.6 Maklumat peguam bela dan peguam cara yang mewakili pengadu (jika ada):

1.7 Butir-butir pembayaran yuran pemprosesan. Sila tandakan di ruangan yang bersesuaian.

<input type="checkbox"/> No. Cek: _____ Bank: _____
<input type="checkbox"/> No. Kiriman Wang Pos: _____
<input type="checkbox"/> Wang Tunai: _____

1.8 Sila nyatakan sama ada anda atau mana-mana orang lain ada mengemukakan aduan kepada Lembaga Tatatertib berdasarkan fakta yang sama/berkaitan. Jika ya, sila nyatakan no. aduan

2. Butir-butir peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dan/atau firma guaman

2.1 Nama penuh peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dan/atau firma guaman:

2.2 Nama dan alamat firma ketika salah laku yang didakwa berlaku:

2.3 Nama firma dan alamat terkini jika berbeza daripada 2.2:

Pekan/Bandar: _____

Negeri: _____

No.Telefon: _____

2.4 Bilakah anda melantik peguam bela dan peguam cara dan/atau firma guaman (jika berkenaan)?

2.5 Apakah arahan anda kepada peguam bela dan peguam cara dan/atau firma guaman?

Sila gunakan lembaran berasingan sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.

2.6 Sila nyatakan butir-butir aduan anda. Sila rujuk Lampiran "A" sebagai panduan.

Sila gunakan lembaran berasingan sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.

2.7 Senarai dokumen yang mesti dilampirkan:

(a) Akuan Berkanun pengadu yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah mengesahkan butir-butir aduan;

(b) sesalinan kad pengenalan/pasport; dan

(c) cek atau kiriman wang pos.

2.8 Dokumen-dokumen sokongan lain:

(1) _____

(2) _____

(3) _____

2.9 Tandatangan pengadu: _____

Tarikh: _____

Sila kembalikan borang yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya dan semua dokumen yang perlu dilampirkan dalam tiga (3) salinan kepada:

Pengarah Urus Setia Aduan

Lembaga Tatatertib Peguam Bela dan Peguam Cara

Tingkat 8 dan 9, Wisma Maran

28, Medan Pasar

50050 Kuala Lumpur

Telefon: (603) 2034 1911

Faks : (603) 2031 2163

E-mel : secretariat@asdb.org.my

LAMPIRAN "A"

Contoh-contoh salah laku peguam bela dan peguam cara yang boleh diambil tindakan tatatertib

- A. Disabitkan kesalahan jenayah.
- B. Pelanggaran kewajipan terhadap Mahkamah.
- C. Curang atau tindakan penipuan.
- D. Pelanggaran amalan professional dan peraturan etika di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976.
- E. Seorang bankrap dan bersalah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut di bawah perenggan 33(6)(a)-(f), (h), (k) atau (i) Akta Kebankrapan 1967.
- F. Memberikan suapan bagi mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan.
- G. Mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya sendiri atau peguam bela dan peguam cara yang lain melalui atau atas arahan orang yang kepadanya saraan untuk mendapatkan pekerjaan tersebut telah dipersetujui.
- H. Menarik langganan.
- I. Membenarkan individu yang tidak berkelayakan menjalankan urusan perundangan atas namanya tanpa penyeliaannya secara langsung.
- J. Menjalankan pekerjaan lain yang tidak bersesuaian dengan profesion perundangan atau bekerja untuk ganjaran.
- K. Pelanggaran Akta Profesion Undang-Undang 1976 atau apa-apa arahan yang dibuat oleh Majlis Peguam.

- L. Dibatalkan daripada daftaraai peguam, digantung atau dicela oleh Majlis Peguam asing atau melakukan perbuatan salah laku di luar negara.
- M. Mengenakan fi atau kos yang berlebihan.
- N. Mengabaikan secara melampau kepentingan anak guam.
- O. Kelakuan tidak sepadan dengan imej seorang peguam bela dan peguam cara.
- P. Menjalankan amalan tanpa Sijil Tahunan.
- Q. Kelakuan curang berkaitan dengan kewangan.

Dibuat 30 Mei 2017

[DC Rules 2015/11/2015/rkjs; PN(PU2)314/XIV]

DATUK DR. ABDUL RAMAN BIN HAJI SAAD
Pengerusi Lembaga Disiplin

LEGAL PROFESSION ACT 1976

LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY PROCEEDINGS) RULES 2017

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation
2. Interpretation

PART II

COMPLAINTS

3. Lodgment of complaints
4. Contents of complaints
5. Processing fee
6. Limitation period
7. Duty of Director on receipt of complaint
8. Withdrawal of complaints
9. Intervention by Bar Council
10. Complaints Register
11. Rejected Complaints Register

PART III

CONDUCT OF PROCEEDINGS

12. Record of complaint
13. Time and place of hearing of Disciplinary Committee

14. Notice of hearing before Disciplinary Committee

Rule

15. Time frame for hearing and adjournments before Disciplinary Committee
16. Absence of parties before Disciplinary Committee
17. Right to legal representation
18. Proceedings of the Disciplinary Committee
19. Record of proceedings before Disciplinary Committee
20. Decision of majority to be deemed decision of Disciplinary Committee
21. Report of Disciplinary Committee

PART IV
MISCELLANEOUS

22. Incapacity, revocation and reappointment of a Disciplinary Committee member
23. Delay
24. Effect of non-compliance and irregularities not to vitiate proceedings
25. Signing of notice of hearing and other correspondence
26. Service of documents
27. Death
28. Power to give directions
29. Savings and transitional
30. Revocation

SCHEDULE

LEGAL PROFESSION ACT 1976

LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY PROCEEDINGS) RULES 2017

